

**JABATAN TIMBALAN NAIB CANSOLOR (HAL EHWAL PELAJAR)  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA**

UTM.J.06.01/10.12/22Jld. 2 ( 48 )

15 April 2021

**PEKELILING PELAJAR BIL. 3/2021**

**ARAHAN TERKINI BERKAITAN DENGAN PROSEDUR OPERASI STANDARD (SOP) PELAJAR  
SEMASA TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT (PKPB)  
DI BULAN RAMADAN**

Dimaklumkan bahawa pihak Universiti melalui Jawatankuasa Pergerakan Pelajar dalam Kampus telah bersetuju untuk meminda beberapa peraturan khusus kepada pelajar yang menginap dalam kampus serta pelajar yang menjalani isolasi sepanjang tempoh bulan Ramadan. Berikut ialah arahan terkini:-

**A. Bagi pelajar yang menginap dalam kampus**

1. Masa keluar masuk kampus ditetapkan dari 7.00 pagi hingga 11.00 malam sahaja.
2. Perkhidmatan *e-hailing* adalah dibenarkan sehingga jam 11.00 malam.
3. Perkhidmatan penghantaran makanan (*food delivery*) dibenarkan sehingga jam 6.00 pagi selaras dengan pengumuman pihak Majlis Keselamatan Negara (MKN).
4. Pelajar dikehendaki membawa kad pergerakan pelajar kolej masing-masing bagi pengenalan diri semasa keluar masuk kampus.
5. Bagi pelajar Latihan Mengajar yang menginap di Kolej Datin Sri Endon (KDSE), prosedur khas sedia ada adalah terpakai.

**B. Bagi pelajar yang sedang menjalani Isolasi**

1. Perkhidmatan penghantaran makanan (*food delivery*) dibenarkan sehingga jam 6.00 pagi.
2. Pematuhan Prosedur Operasi Standard (SOP) isolasi sedia ada adalah **wajib**.


**Pekeliling ini adalah tertakluk kepada perubahan dari semasa ke semasa.**

Sekian.

**“Prihatin Rakyat: Darurat Memerangi COVID-19”**

**“Berkhidmat untuk Negara kerana Allah”**

Saya yang menjalankan amanah,



**(PROF. DR. SHAMSUL BIN SAHIBUDDIN)**  
Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwat Pelajar)  
Jabatan Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwat Pelajar)  
Universiti Teknologi Malaysia  
b.p. Naib Canselor  
✉ : shamsul@utm.my

**UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA**

**SOALAN LAZIM (FAQ)  
BERKAITAN RAMADAN DI DALAM KAMPUS**

**1.0 Adakah pelajar masih tertakluk untuk keluar masuk kampus sehingga jam 10.00 malam sahaja?**

Sepanjang bulan Ramadhan ini, had keluar masuk kampus telah dipanjangkan sehingga jam 11.00 malam.

**2.0 Sehingga jam berapakah servis penghantaran makanan (*delivery*) boleh masuk ke dalam kampus?**

Servis penghantaran makanan (*delivery*) dibenarkan masuk ke dalam kampus sehingga jam 6.00 pagi termasuk bagi pelajar di pusat isolasi.

**3.0 Sekiranya pelajar dari negeri di bawah Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) dan ingin memohon masuk kampus, adakah masih perlu menjalani isolasi?**

Semua pelajar dikehendaki menjalani isolasi selama sepuluh (10) hari termasuk bagi negeri-negeri di bawah PKPP.

**4.0 Adakah pelajar wanita dibenarkan solat tarawih di Masjid UTM?**

Ya. Pelajar wanita juga dibenarkan solat tarawih di Masjid UTM dan dikehendaki mematuhi Prosedur Operasi Standard (SOP) sedia ada yang telah ditetapkan.

**5.0 Adakah pelajar dibenarkan berbuka puasa di Masjid Sultan Ismail UTM?**

Dimaklumkan bahawa buat masa ini bekalan makanan berbuka puasa yang disediakan oleh Pusat Islam adalah dalam kuantiti yang terhad. Agihan makanan akan dibuat melalui Kolej Kediaman pelajar secara bungkusan sahaja.

**6.0 Adakah pelajar dibenarkan berbuka beramai-ramai di perkarangan Laman Menanti (Tasik Ilmu) UTM?**

Tidak dibenarkan.

**7.0 Adakah UTM Bazar Ramadan di Laman Menanti, Taman Tropika UTM dibuka di dalam kampus?**

Tiada penganjuran UTM Bazar Ramadan dibuka di dalam kampus.

15 April 2021

**Pekeliling ini adalah tertakluk kepada perubahan dari semasa ke semasa.**